



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OPENCOURSEWARE

Institusi-Institusi Islam (UICI 2042)

Institusi Kehakiman

Nurazmallail Bin Marni

Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad al-Idrus



Inspiring Creative and Innovative Minds

ocw.utm.my

OBJEKTIF

- 1) Memberikan gambaran umum mengenai kehakiman Islam dan penguatkuasaan dari segi konsep, pensyariatan, dan sejarah pelaksanaan
- 2) Menjelaskan prosedur-prosedur penting dalam sistem kehakiman, antaranya perlantikan hakim, etika hakim dan kaedah pelaksanaan perbicaraan serta hukuman
- 3) Mengutarakan aspek perbandingan antara kehakiman Islam dan sistem kehakiman yang dilaksanakan di Malaysia dalam topik-topik yang dibincangkan
- 4) Membincangkan kedudukan dan pelaksanaan kehakiman Islam di Malaysia berdasarkan latar belakang sejarah dan realiti semasa dengan merujuk beberapa peruntukan undang-undang dikuatkuasakan.

TUJUAN INSTITUSI KEHAKIMAN & PENGUATKUASAAN

- 1) Memastikan keadilan ditegakkan
- 2) Memastikan kezaliman dihapuskan
- 3) Memastikan hak dikembalikan kepada yang benar-benar berhak
- 4) Memastikan undang-undang dipatuhi sepenuhnya.

PERANAN KEHAKIMAN ISLAM

- Menegakkan keadilan yang mutlak tanpa mengenal perbezaan bangsa, warna kulit, taraf hidup, aliran politik termasuk agama sekalipun.
- Firman Allah yang bermaksud:
“... Maka berilah keputusan (perkara) antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu daripada jalan Allah...”
(Surah Sad, 38:26)

DEFINISI KEHAKIMAN

- Al-Qada' atau kehakiman bermaksud memutuskan pertikaian berpandukan hukum syarak.
- Kehakiman atau *al-Qada'* dalam pengertian dari aspek bahasa mempunyai beberapa maksud, antaranya:
 - 1) Perintah atau keputusan mengenai suatu perkara.
 - 2) Pemberitahuan, perkhabaran, dan penyampaian.
 - 3) Melaksanakan dan mengakhiri sesuatu tugas.
 - 4) Menghukum, memisah, memutuskan dan mencegah.
 - 5) Perlakuan.
 - 6) Ciptaan dan penetapan.
 - 7) Mati atau mematikan.

Sambungan ...

- Pengertian *al-Qada'* dari segi istilah syarak ialah:
 - 1) “Pemberitahuan mengenai suatu hukum syarak dalam bentuk yang mengikat” (Ibn Farhun-Maliki)
 - 2) “Menguatkuasakan suatu hukum oleh yang mempunyai bidang kuasa berdasarkan hukum syarak” (al-Ramli-Shafii)

PERKARA-PERKARA ASASI DALAM KEHAKIMAN

1. Keputusan penghakiman yang mengikat pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian
2. Rujukan penghakiman, iaitu al-Quran dan al-Sunnah, kemudian diikuti oleh sumber-sumber lain
3. Keputusan penghakiman adalah berkaitan dengan suatu pertikaian atau kepentingan
4. Keputusan penghakiman dikeluarkan oleh pihak yang mempunyai bidang kuasa

PENSYARIATAN KEHAKIMAN

- Banyak ayat al-Quran menjelaskan tentang hal ini, antaranya firman Allah yang bermaksud:
“Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi penentang (orang yang tidak bersalah), kerana (membela) orang-orang yang khianat (Surah al-Nisa’, 4:105).

Sambungan ...

- Rasulullah s.a.w. sendiri telah menjadi pemutus kepada beberapa pertikaian yang berlaku di kalangan masyarakat Islam semasa zaman Baginda dan telah mengutus beberapa orang sahabat untuk menjadi hakim di beberapa wilayah Islam.
- Para ulama telah bersepakat mengenai pensyarian kehakiman. Hukum melaksanakan urusan kehakiman adalah *fardu kifayah* bagi sesebuah negara Islam, sama seperti kefarduan jihad. Namun, tugas ini adalah wajib bagi pemerintah, sama ada dengan melaksanakannya sendiri atau dengan mewakilkan orang lain.
- Hal ini demikian kerana urusan kehakiman adalah termasuk dalam kuasa umum (*wilayah 'ammah*) pemerintah Islam.

SEJARAH INSTITUSI KEHAKIMAN

- Era kerajaan Islam Madinah, Rasulullah s.a.w sendiri menjadi kadi atau hakim.
- Setelah wafat, penggantinya ialah Khalifah Abu Bakar dan kemudiannya Khalifah Umar.
- Tugas khalifah meliputi ketua kerajaan, pentadbiran dan kehakiman (ketua hakim).
- Khalifah dibantu oleh penguasa dan gabenor.
- Semasa Khalifah Umar, diwujudkan pendelegasian tugas daripada khalifah kepada para kadi atau hakim.

Sambungan ...

- Zaman Umar al-Khattab – banyak perubahan disebabkan perkembangan wilayah Islam dan bertambahnya rakyat negara Islam dari pelbagai bangsa dan agama. Antara pembaharuan yang dibawa beliau ialah pemisahan kuasa dan sistem saraan hakim
- Zaman Uthman – menukar tempat perbicaraan ke satu tempat khas (Dar al-Qada')
- Zaman Umawiyah - diperkenalkan sistem catatan hukuman.

Kehakiman Pada Zaman Abbasiyyah

- Penghakiman berdasarkan pegangan mazhab.
- Antara pembaharuan dalam bidang kehakiman;
 1. pemisahan kuasa semakin jelas
 2. pakaian khusus bagi hakim
 3. mohor hakim bagi tujuan surat-menyurat
 4. terdapatnya jawatan-jawatan sokongan seperti pengawal, kerani pegawai mahkamah dan pencatat perbicaraan
 5. tempat perbicaraan di kawasan lapang
 6. penulisan rekod perbicaraan.

Sambungan...

- Bidang kuasa hakim juga lebih luas jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya.
- Di samping membicarakan kes jenayah dan sivil, hakim juga ditugaskan mengawasi harta wakaf, melantik wali dan wakil, menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali, malahan ada kalanya mengetuai wilayah mazalim (aduan salah laku), wilayah hisbah (pencegahan) dan wilayah shurtah (kepolisian).

TINDAKAN KHALIFAH UMAR

1. Pembaharuan dalam struktur pentadbiran negara dan kehakiman.
2. Pemisahan antara kuasa pentadbiran dengan kuasa kehakiman.
3. Melantik kadi dengan pengkhususan bidang kuasa tertentu seperti kadi kes-kes harta.
4. Sistem pendelegasian kuasa tidaklah mutlak kerana khalifah dan gabenor masih mempunyai kuasa kehakiman dalam kes hudud dan qisas.

5. Individu yang dilantik sebagai hakim memenuhi semua syarat dan kelayakan seperti sahsiah yang tinggi dan berilmu pengetahuan.
6. Menubuhkan Lembaga Ifta' yang berperanan dalam mengeluarkan fatwa.
7. Menubuhkan Lembaga Hisbah yang berperanan menangani kes-kes yang berkaitan 'amar ma'ruf dan nahi munkar".
8. Memberi garis panduan kehakiman menerusi Risalah al-Qadha atau Dustur Umar Ibn al-Khattab.

PERLANTIKAN HAKIM

- Hakim atau Kadi ialah orang yang berperanan penting dalam melaksanakan perundangan Islam.
- Hakim bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan mempertahankan kedaulatan undang-undang.
- Nabi Muhammad adalah hakim yang pertama dalam Islam, diikuti Abu Bakar, Umar dan beberapa sahabat antaranya Syuraih.

SYARAT-SYARAT HAKIM

1. Islam (kecuali dalam kes tertentu)
2. Baligh
3. Berakal
4. Merdeka
5. Adil (definisi adil)
6. Sempurna pancaindera (mendengar, melihat, & berkata-kata)
7. Berpengetahuan luas dalam hukum syarak (ilmu tentang Quran, hadis, ijmak, dan qiyas)
8. Lelaki (pandangan majoriti ulama).

AMALAN LANTIKAN HAKIM DI MALAYSIA

- Tidak menggunakan sepenuhnya *standard* yang ditetapkan oleh ulama.
- Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan mengenai kelayakan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hanya meletakkan syarat berbentuk umum sahaja, iaitu:
- Seseorang layak dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika—
- (a) dia seorang warganegara; dan

Sambungan ...

- (b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu negeri.

Syarat Tambahan Kelayakan

- berdasarkan kepada beberapa faktor lain seperti
 1. Perkhidmatan yang lama
 2. Pengalaman yang luas
 3. Telah memegang jawatan yang penting sebagai anggota perkhidmatan Kehakiman atau Undang-undang Persekutuan atau Negeri, atau seorang peguam.
 4. Rekod dan akhlak yang baik
 5. Dipandang tinggi oleh masyarakat.

Adab dan Etika Hakim

- Boleh dibahagikan kepada dua:
 1. Kod Etika di luar mahkamah
 2. Kod Etika dalam Mahkamah

ANTARA KOD ETIKA DI LUAR MAHKAMAH

- menghindari diri daripada;
 - 1) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak munasabah bahawa –
 - dia telah membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas kehakimannya hingga menjejaskan kedudukannya sebagai seorang Hakim Syarie; atau
 - dia telah menggunakan kedudukan kehakimannya bagi faedahnya sendiri;

Sambungan ...

- 2) berkelakuan dengan cara tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau boleh memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah Syariah;
 - membelakangkan tugas kehakimannya demi kepentingan persendiriannya;
 - bergaul bebas dengan orang ramai dengan cara yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam tugas kehakiman;
 - menerima apa-apa hadiah, apabila hadiah tersebut dengan apa-apa cara berkaitan dengan pelaksanaan tugas kehakimannya:

Sambungan ...

- mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu tanpa diberi keizinan atau kebenaran yang nyata oleh Ketua Hakim Syarie;
- memberi pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan yang ianya sedang dibicarakan atau berkemungkinan akan menjadi suatu isu dalam mana-mana perbincangan di hadapannya, kerana pendapatnya itu boleh kemudiannya digunakan oleh sesuatu pihak untuk menyokong hujahnya;

Sambungan ...

- 3) meminjam wang daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang –yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa kehakimannya; atau
- yang dengannya dia ada atau mungkin ada urusan rasmi ;
 - mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik.

Kod Etika dalam Mahkamah

- 1) melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;
- 2) menjalankan tugas mengikut hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan;
- 3) tidak mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak tenang seumpama dia berkeadaan marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat;
- 4) tidak boleh meninggalkan Mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;
- 5) memberi penghakimannya apabila dia berkeadaan tenang;

Sambungan ...

- 6) tidak membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat itu ialah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya sebagai seorang Hakim Syarie;
- 7) bertindak tegas dan adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
- 8) bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah-hujah dari pihak-pihak.;
- 9) memastikan prosiding di Mahkamah dijalankan dengan teratur menurut peraturan Mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan itu dapat berjalan dengan lancar;

Sambungan ...

- 10) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;
- 11) memuliakan saksi-saksi;
- 12) memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam;
- 13) mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang;

ADAB & SIFAT HAKIM


1. Ketika menjatuhkan hukuman, hakim hendaklah tidak berada dalam keadaan marah, keluh-kesah, bosan dan bersikap berat sebelah
2. Ketika berada dalam mahkamah, hakim hendaklah menjaga pandangannya, banyak berdiam serta menghadkan percakapannya
3. Tidak boleh menerima hadiah, rasuah, dan pemberian yang meragukan.
4. Sentiasa menjaga kehormatan dan maruahnya.
5. Bersifat adil sepanjang masa.

6. Hendaklah menghukum dalam keadaan tenang, tidak terpengaruh dengan orang sekeliling, memberi layanan yang sama kepada semua pihak, tidak memanjangkan perbincangan tanpa sebab, berhati-hati dengan pihak yang terlibat, memuliakan saksi, dan tidak mengadili kaum kerabat.
7. Perlu menampilkan imej yang mempunyai kehebatan, kemuliaan dan dihormati.

PROSES PERBICARAAN DI MAHKAMAH:

- Sesuatu perbicaraan akan melalui tiga peringkat asas, iaitu;
 1. dakwaan atau tuntutan
 2. kaedah-kaedah bagi mensabitkan dakwaan
 3. keputusan penghakiman

PROSES PERBICARAAN DI MAHKAMAH:



PERINGKAT PERTAMA PERBICARAAN:

DAKWAAN ATAU TUNTUTAN

- Dakwaan ialah pemberitahuan tentang sesuatu hak kepunyaan seseorang yang ada pada seorang yang lain yang dilakukan di hadapan hakim.
- Dakwaan bertujuan untuk menuntut hak atau kepentingan terhadap pihak lain dalam perkara-perkara yang dipertikaikan, atau untuk mempertahankannya .
- Sesuatu dakwaan mestilah mempunyai unsur-unsur berikut:
 - 1) Orang yang mendakwa atau menuntut
 - 2) Orang yang didakwa atau dituntut
 - 3) Hak yang dituntut
 - 4) Pernyataan dakwaan atau tuntutan

PERINGKAT KEDUA PERBICARAAN:
KAEDAH-KAEDAH BAGI MENSABITKAN DAKWAAN

- Merangkumi empat kaedah;
 1. Kesaksian (syahadah) dan Keterangan (bayyinah)
 2. Pengakuan (iqrar)
 3. Sumpah (yamin) – pihak tertuduh
 4. Fakta Berkaitan (qara'in) –contohnya DNA

KAEDAH-KAEDAH BAGI MENSABITKAN DAKWAAN



BENTUK-BENTUK KETERANGAN dalam mensabitkan dakwaan

- Secara umumnya bentuk-bentuk keterangan terbahagi kepada dua,
 - 1) Keterangan yang disepakati, iaitu kesaksian, pengakuan, dan sumpah
 - 2) Keterangan yang tidak disepakati seperti fakta berkaitan, pendapat pakar, pengetahuan hakim, catatan dan lain-lain.

KAEDAH 1: KESAKSIAN (*SYAHADAH*)

- 1) Kesaksian ialah pemberitahuan yang bersifat benar, diberi atas keyakinan yang pasti, bukan sangkaan;
- 2) Menggunakan lafaz kesaksian atau “aku bersaksi”;
- 3) Diberikan bagi kepentingan orang lain ke atas orang lain dan bukan bagi kepentingan orang yang memberikan kesaksian tersebut;
- 4) Bertujuan untuk mensabitkan sesuatu hak atau kepentingan, sama ada hak Allah atau hak selain daripada-Nya.

PERKATAAN “KETERANGAN” TERMASUKLAH:

- 1) *bayyinah* dan *syahadah*;
- 2) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: (keterangan lisan);
- 3) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

KAEDAH 2: PENGAKUAN (*iqrar*) dalam mensabitkan dakwaan

- Pengakuan (*iqrar*) ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- Sesuatu pengakuan boleh dibuat sama ada di dalam Mahkamah (di hadapan Hakim) atau di luar Mahkamah (di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan adil) (Seksyen 17, AKMSWP).
- Pengakuan diterima dengan syarat orang yang melakukan pengakuan itu berakal dan baligh, melakukannya secara sukarela dan tidak dihalang oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Seksyen 18, AKMSWP).

KAEDAH 3: SUMPAAH (YAMIN): dalam mensabitkan dakwaan

- Sumpah (*yamin*) adalah cara untuk menyatakan sesuatu perkara yang mungkin berlaku atau mungkin tidak berlaku dengan cara yang bersungguh-sungguh dengan nama Allah atau sifat-sifat-Nya
- Sumpah dikenakan ke atas pihak yang kena dakwa sama ada Islam atau tidak, adil atau fasik, lelaki atau perempuan sebagai menafikan dakwaan ke atas mereka
- bersandarkan hadis yang bermaksud “*Keterangan itu ke atas pihak yang mendakwa (menuntut), sementara sumpah itu ke atas yang ingkar.*”

DUA JENIS SUMPAAH DIAMALKAN DI MAHKAMAH SYARIAH

1) Sumpah oleh pihak yang kena tuntutan:

konsep sumpah yang asal seperti dinyatakan dalam hadis. Pihak kena tuntutan diminta untuk bersumpah bagi menafikan perkara yang dituntut apabila pihak penuntut gagal mengemukakan bukti yang mencukupi.

2) Sumpah oleh penuntut:

Antara kategori ini yang terpenting ialah apa yang dipanggil *yamin jalibah*, iaitu sumpah yang bertujuan mensabitkan tuntutan.

KAEDAH 4: FAKTA BERKAITAN

dalam mensabitkan dakwaan

- Menurut Zaydan, fakta berkaitan (*qarinah* atau *relevant fact*) bermaksud suatu fakta yang menjadi petunjuk tentang adanya atau tiadanya sesuatu.
- Hubungan antara fakta persoalan dan fakta berkaitan perlu sampai kepada peringkat mampu melahirkan kesimpulan tentang kemungkinan wujud atau tidaknya fakta persoalan tersebut.
- Contoh fakta berkaitan yang mudah difahami ialah seorang perempuan yang mengandung luar nikah merupakan fakta yang berkaitan kepada perbuatan zina (fakta persoalan).

PERINGKAT KETIGA PERBICARAAN: *KEPUTUSAN PENGHAKIMAN*

- berasaskan bukti dan keterangan yang dikemukakan di hadapan hakim.
- Ciri-ciri keputusan penghakiman dalam perundangan Islam:
 - 1) Hendaklah diputuskan dengan kadar yang segera setelah jelasnya bukti di hadapan hakim, melainkan dalam hal-hal yang meragukan
 - 2) Diputuskan di hadapan pihak-pihak yang bertikai, melainkan terdapat keperluan mendesak untuk berbuat sebaliknya
 - 3) Dinyatakan dalam penghakiman “alasan-alasan penghakiman”
 - 4) Keputusan penghakiman hendaklah ditulis untuk tujuan rekod mahkamah dan satu salinan diserahkan kepada pihak yang diberi penghukuman.

Kehakiman Islam di Malaysia

1) Sebelum zaman penjajah

- Sistem kehakiman dan mahkamah di Melaka dan juga di negeri-negeri lain ketika itu adalah berasaskan undang-undang Islam di mana pengadilan dijalankan oleh satu bentuk mahkamah sahaja, iaitu yang dikenali sebagai “Mahkamah Balai”.

Sambungan...

2) Zaman penjajah

- Mahkamah dibahagi kepada Mahkamah Syariah yang diketuai oleh kadi dan Mahkamah Adat yang diketuai oleh hakim.
- Berdasarkan Ordinan Mahkamah 1948, Mahkamah Syariah dimasukkan ke dalam struktur mahkamah peringkat nasional bersama-sama dengan Mahkamah Penghulu.
- Selepas diganti dengan Akta Mahkamah Rendah 1948, Mahkamah Syariah telah diturunkan statusnya daripada mahkamah persekutuan kepada mahkamah negeri.

Sambungan ...

- 3) Selepas kemerdekaan pada 1957, kedudukan Mahkamah Syariah adalah sama seperti tahun 1948, iaitu sebagai mahkamah negeri seperti diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan.
- Walau bagaimanapun, sehingga kini banyak penambahbaikan dilakukan untuk meningkatkan kedudukan mahkamah syariah.


Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

- Akibat pengaruh penjajah British, institusi kehakiman di negara kita dibahagikan kepada dua, iaitu Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah.
- Bidang kuasa Mahkamah Awam adalah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, manakala bidang kuasa Mahkamah Syariah terletak di bawah Kerajaan Negeri.
- Undang-undang Islam yang dimaksudkan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah berkaitan dengan undang-undang diri (personal law) dan hanya berjalan kuatkuasanya ke atas orang Islam sahaja.

STRUKTUR MAHKAMAH SYARIAH

- Dari segi strukturnya, Mahkamah Syariah mempunyai tiga peringkat mahkamah, iaitu mahkamah rayuan, mahkamah tinggi, dan mahkamah rendah.
- Pentadbiran kehakiman syariah pula diketuai oleh Ketua Hakim Syarie yang dilantik oleh Sultan dengan nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri masing-masing.
- Di bawah Ketua Hakim Syarie ialah hakim-hakim di mahkamah rayuan, mahkamah tinggi, dan mahkamah rendah, Ketua Pendaftar, Pendaftar dan juga Penolong-penolong Pendaftar.


STRUKTUR MAHKAMAH SYARIAH



MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Sistem Mahkamah di Malaysia terbahagi kepada :

1. **Mahkamah Sivil** yang merangkumi:
 1. Mahkamah Persekutuan
 2. Mahkamah Rayuan
 3. Mahkamah Tinggi
 4. Mahkamah Rendah
2. **Mahkamah Syariah** yang meliputi:
 1. Mahkamah Rayuan
 2. Mahkamah Tinggi
 3. Mahkamah Rendah
3. **Mahkamah Adat**



BIDANG KUASA & KEDUDUKAN MAHKAMAH SYARIAH

- Undang Pentadbiran Agama Islam di Malaysia adalah warisan undang-undang penjajah yang sengaja menyempitkan peranan perundangan Islam.
- Akibatnya, terdapat dua sistem, iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
- Mahkamah Syariah terletak di bawah kuasa perundangan negeri, iaitu
 1. Mahkamah Rayuan Syariah
 2. Mahkamah Tinggi Syariah
 3. Mahkamah Rendah Syariah

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH

1. Kesalahan matrimoni
2. Kesalahan berhubung dengan seks
3. Minuman keras
4. Tidak solat Jumaat, zakat dan tidak berpuasa
5. Murtad
6. Pengambilan anak angkat

sambungan...

1. Pertunangan, nikah, cerai serta membatalkan nikah
2. Memberi harta benda dan tuntutan atas harta seperti hadanah, harta sepencarian, wakaf, hibah, dan nazar.

KATEGORI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

- 1) Kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti pemujaan salah, mendakwa sebagai bukan orang Islam untuk mengelak tindakan dan doktrin palsu.
- 2) Kesalahan berkaitan dengan kesucian agama Islam seperti mempersendakan Islam, ayat-ayat al-Quran atau Hadis, berjudi, minum minuman memabukkan dan tidak menghormati Ramadhan.
- 3) Kesalahan-kesalahan berhubung kesusilaan seperti persetubuhan luar nikah, pelacuran dan khalwat.

Sambungan...

- 4) Kesalahan-kesalahan matrimonial seperti menganiayai isteri, nusyuz, dan poligami tanpa kebenaran mahkamah
- 5) Kesalahan pelbagai, antaranya memujuk lari perempuan bersuami, menjual atau membeli anak kepada orang bukan Islam, *qazaf* (tuduhan zina), memungut zakat atau fitrah tanpa diberi kuasa dan penyalahgunaan tanda halal.
- 6) Kesalahan-kesalahan penyubahatan dan percubaan.

Implikasi Pengabaian Terhadap Usaha Penambahbaikan

- 1) Mencemarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang memiliki institusi kehakiman Islam.
- 2) Masyarakat semakin keliru dan jahil tentang peranan institusi kehakiman Islam malah memandang rendah terhadap status mahkamah dan hakimnya.
- 3) Campurtangan Mahkamah Sivil dalam kes yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

LATIHAN

- 1) Apakah matlamat utama kewujudan sistem kehakiman dalam Islam?
- 2) Huraikan konsep kehakiman dari perspektif Islam dan perkara-perkara asasi dalam kehakiman itu sendiri?
- 3) Apakah pembaharuan dalam sistem kehakiman negara Islam yang telah dilakukan pada zaman Khalifah 'Umar al-Khattab?
- 4) Huraikan perbezaan antara perlantikan hakim yang ditetapkan oleh Islam dengan undang-undang yang ada sekarang?
- 5) Pada pandangan anda, apa perlunya Islam menetapkan adab atau etika bagi seseorang hakim?

Sambungan ...

- 6) Apakah perkara-perkara asas yang diperlukan dalam proses perbicaraan?
- 7) “*Bayyinah* itu ke atas pihak yang mendakwa (menuntut), sementara sumpah itu ke atas yang ingkar” Huraikan kenyataan ini.
- 8) “Sistem kehakiman di Malaysia sebelum kedatangan penjajah British adalah berteraskan undang-undang Islam” Huraikan kenyataan ini.
- 9) Pada pandangan anda, adakah bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah pada masa sekarang adalah wajar dan memadai? Mengapa?